

16 DEC 1999

Fomca-Menteri

FOMCA MAHU MENTERI TELUS, DENGAR RINTIHAN DAN KEHENDAK RAKYAT

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Para Menteri perlu benar-benar mendengar rintihan dan kehendak rakyat supaya dapat melaksanakan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar bekerja keras menunaikan segala janji dalam manifesto Barisan Nasional (BN), kata Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca).

Presiden Fomca Prof Mohamed Hamdan Adnan yang menyambut baik arahan Perdana Menteri itu berkata, untuk itu para Menteri perlu lebih kerap turun padang untuk mendapatkan maklumat langsung daripada rakyat.

"Fomca melihat arahan Perdana Menteri itu sebagai satu hasrat murni kerajaan yang menghargai keyakinan rakyat dan mahu terus diyakini," katanya kepada BERNAMA hari ini.

Beliau berharap barisan Kabinet baru juga sentiasa bersikap telus dan tulus dalam melaksanakan tugas.

"Akibat mengharap orang tengahlah berlaku pelbagai kebocoran di beberapa peringkat sehinggakan peruntukan tidak sampai sepenuhnya kepada golongan sasaran dan projek yang dirancang tergendala," katanya.

Hamdan berkata para menteri juga perlu proaktif dan sentiasa memeriksa tahap kerja pegawai-pegawai yang diamanahkan sebagai penyelaras projek pembangunan supaya harapan rakyat untuk menikmati hasil pembangunan itu tercapai.

"Satu janji kerajaan yang kita ingin mendapat kepastian ialah janji untuk tidak menswastakan hospital kerajaan...rakyat sudah serik untuk ke hospital swasta yang mahal, dan klinik juga harga ubatnya sudah meningkat 20 peratus," katanya.

Beliau berkata harapan rakyat juga tinggi terhadap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru Datuk Ong Ka Ting supaya berusaha memastikan cadangan "bina dahulu baru jual" rumah-rumah menjadi amalan sektor perumahan negara ini.

"Paling kurang pun sebelum dapat diiklankan rumah-rumah itu mestilah sudah 50 peratus dibina," katanya yang menambah bahawa Fomca masih menerima aduan mengenai bayaran yang sudah lama dibuat tetapi kelulusan tanah untuk tapak rumah itu pun belum diperolehi oleh pemaju.

Hamdan berkata, kerajaan juga mesti berusaha lebih gigih untuk mengurangkan lagi tahap rasuah, yang pada pandangan Fomca merupakan satu daripada punca rasa tidak puas hati rakyat yang masih beranggapan bahawa rasuah masih berleluasa.

"Kita harap Menteri-menteri menilai diri sendiri untuk pastikan prestasi cemerlang dan mana-mana yang tak dapat menepati kehendak kerajaan, adalah lebih baik letak jawatan demi kepentingan kerajaan dan negara," katanya, yang mengucapkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang baru dilantik.

-- BERNAMA

MNY PR